

# DAKWAH TERHADAP GOLONGAN REMAJA: SATU KAEDAH PENDEKATAN

## ***PREACHING TO TEENAGER: AN APPROACH***

**Mohd Zaid Ismail<sup>1</sup>**

Pensyarah Politeknik, Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim.  
(Email: za\_id6619@yahoo.com.my)

**Mohd Nor Adli Osman<sup>2</sup>**

Calon PhD Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah, Tanjung Malim.  
(Email: adliosman7726@yahoo.com)

**Received date:** 08-10-2019

**Revised date:** 10-10-2019

**Accepted date:** 29-11-2019

**Published date:** 10-12-2019

**To cite this document:** Ismail, M. Z., & Osman, M. N. A. (2019). Dakwah Terhadap Golongan Remaja: Satu Kaedah Pendekatan. *International Research Journal of Syariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 40-45.

**DOI:** 10.35631/irjsmi.12005

**Abstrak:** Golongan remaja adalah golongan yang sedang mengalami perkembangan dan peralihan pemikiran dari kanak-kanak ke alam dewasa. Dalam tempoh perkembangan ini, para pendakwah perlu menerapkan kaedah pendekatan dakwah yang sesuai dengan golongan ini. Untuk memastikan dakwah yang digunakan menepati kehendak sasaran, pemilihan kepada pendekatan psikologi dakwah yang sesuai amat diperlukan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan memahami pendekataan dakwah kepada golongan remaja, agar tujuan dakwah pada golongan ini berkesan. Selain itu, dapat mengetahui juga atas pendekatan dakwah yang telah diajarkan di dalam al-Quran. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berbentuk menganalisis dokumen yang berkaitan. Hasil kajian ini mendapati, terdapat empat pendekatan yang perlu dilakukan oleh para pendakwah ketika mendekati golongan remaja. Keempat-empat pendekatan tersebut adalah sangat terkait rapat dengan elemen psikologi pada diri remaja. Justeru, ilmu ini mempunyai kepentingan yang perlu dizahirkan supaya para pendakwah tidak menyamaratakan pendekataan dakwah antara golongan remaja dengan golongan yang sudah berusia.

**Kata Kunci:** Remaja, Dakwah, Psikologi

**Abstract:** Adolescents are experiencing development and transition of childhood thought to adulthood. Within this period, religious preachers should instill the appropriate approach of da'wah to cater this group of individuals. To ensure that the medium of da'wah is suitable to the needs of the target group, it is essential to select the most appropriate psychological da'wah approach. Therefore, this study aims to identify and understand the approach of da'wah to adolescents, so that the purpose of preaching can be effectively implemented. This

*study also aims in identifying the basic da'wah approach as mentioned in the al-Quran. This is a qualitative study where analysis of related documents were carried out. The study shows there are four methods that can be used by the preachers in approaching group of adolescents. All the approaches are highly associated with the psychological elements of this group of individuals. Hence, this findings should be materialized and made known so that religious preachers will not generalized the da'wah approach to be implemented between adolescents and the aged group.*

**Keywords:** Adolescents, Da'wah, Psychology

---

## Pengenalan

Dakwah adalah satu tugas yang telah diwajibkan oleh setiap muslim sama ada ia bergelar agamawan atau sebaliknya. Hal ini kerana, setiap insan yang bergelar muslim wajib untuk menzahirkan nilai-nilai Islam yang telah diajarkan oleh Nabi s.a.w. Justeru, dengan hal demikian secara tidak langsung mengambarkan kepada generasi yang terkemudian nilai ketamadunan Islam yang tinggi.

Satu perkara penting yang tidak dapat dinafikan pada setiap zaman, golongan remaja adalah satu generasi akan membentuk masa depan negara dan agama. Jatuh bangun sesebuah tamadun dan agama itu adalah terletak pada pengisian remaja, justeru kita lihat di dalam sejarahnya Nabi s.a.w telah membentuk jiwa para sahabat yang kebanyakannya adalah remaja pada ketika itu dengan nilai yang cukup tinggi. Atas dasar itu, Nabi s.a.w telah mengatakan generasi sahabat adalah antara sebaik-baik zaman(al-Bukhari; 2009). Walaupun begitu, realiti remaja masa kini jauh berbeza dengan keadaan remaja pada zaman sahabat ataupun dua zaman selepasnya.

Tidak dinafikan remaja pada zaman kini, kian terdedah dengan pelbagai kegoncangan masalah sosial. Memikirkan tentang masalah demikian, di dalam era kemodenan ini masalah sosial yang membelenggu remaja menyebabkan kita perlu memikirkan secara bersama apakah ramuan terbaik bagi mengubati penyakit yang melanda remaja masakini. Gejala sosial yang timbul ini memerlukan satu pengurusan dakwah yang lebih teratur dan terancang kerana satu demi satu gejala keruntuhan akhlak dan kesalahan jenayah berlaku. Bagi memastikan usaha dakwah ini berkesan seharusnya pendakwah mengenalpasti satu pendekatan terbaik untuk dipilih bagi memerangi isu-isu sosial yang melanda masyarakat khususnya remaja masakini.

## Definisi Dakwah

Asasnya perkataan dakwah merujuk kepada ajakan, panggilan, seruan dan makna yang seerti dengannya. Walaupun begitu, beberapa tokoh terkemudian telah mendefinisikan istilah dakwah dengan beberapa pengertian. Menurut Prof. Dr. Abd Aziz Mohd Zin dakwah adalah merupakan suatu usaha yang dilakukan oleh seseorang atau secara berkumpulan menggunakan pendekatan tertentu untuk memandu manusia menuju kepada jalan yang direhui oleh Allah SWT(Abd Aziz; 2003)

Manakala menurut pandangan Yusuf al-Qaradawi, beliau mendefinisikan dakwah adalah suatu usaha untuk membawa manusia kepada pertunjuk yang sebenar melalui ajaran Islam, melaksanakan segala arahan Allah SWT di atas muka bumi ini, mengkhususkan penghambaan kepada Yang Esa dengan memohon segala apa yang diperlukan denganNya dan melepaskan diri dari segala kongkongan yang selain daripada Allah SWT(Yusuf al-

Qaradhawi; 1996). Muhammad al-Ghazali menerangkan bahawa dakwah merupakan program atau sistem yang lengkap, mengandungi semua bahagian ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup untuk menyingkap pertunjuk jalan kepada manusia (al-Ghazali; 1981)

### **Asas Pendekatan Dakwah Menurut Al-Quran**

Umum mengetahui, al-Quran adalah kitab yang telah memberi tunjuk ajar kepada manusia untuk berhubung sesama manusia, khususnya dalam konteks dakwah. Perkara ini dapat dibuktikan di dalam sejarah pembinaan ketamadunan manusia semasa zaman Nabi s.a.w, bahawa al-Quran telah berjaya membimbing manusia menuju kepada hidayah dan kebenaran. Allah s.w.t telah memaparkan metod-metod dakwah di dalam al-Quran untuk dijadikan panduan di dalam membantu usaha dakwah manusia

### **Hikmah**

Bagi merealisasikan metod hikmah dalam berdakwah, para pendakwah seharusnya mengenali siapa yang akan didakwah dengan mengenali persekitaran dan latar belakangnya terlebih dahulu. Perkara ini dilakukan supaya dakwah yang ingin disampaikan tidak membebankan atau menyusahkan untuk memudahkan penerimaan(Sayyid Qutub, 1971). Perkara ini secara tidak langsung memudahkan para pendakwah dengan memahami situasi realiti setiap masyarakat yang perlu didakwahnya.

Atas dasar demikian, seorang tokoh dakwah Abd Karim Zaidan, mengandaikan seorang doktor yang merawat pesakit perlu mengetahui dahulu penyakit pesakit tersebut untuk mengubatinya dan memberi ubat yang bersesuaian(Abd Karim Zaidan; 2002). Etika seorang pendakwah akan tercemar apabila para pendakwah tidak mengambil berat situasi masyarakat apabila melakukan dakwah kepada mereka. Dalam hal ini, kita lihat bagaimana corak dan kaedah yang telah dilakukan oleh Baginda s.a.w dalam menyebarkan agama. Beliau menerapkan corak yang berbeza sesuai dengan situasi masyarakat, apabila berhadapan dengan para sahabat berbeza dengan apabila berhadapan dengan orang kafir.

### ***Al-Maw'izah Al-Hasanah***

Umumnya para pendakwah adalah tergolong dalam kalangan agamawan yang bertanggungjawab secara langsung untuk menasihati dan mengajar masyarakat tentang sesuatu perkara. Justeru, sesuai dengan kredibiliti sebagai seorang agamawan bagi mencerminkan apa yang telah diajarkan di dalam agama Islam, maka golongan agamawan telah menjadi contoh yang terbaik dalam banyak hal. Oleh itu, para pendakwah perlu memberi tunjuk ajar yang terbaik dengan menjelaskan tegahan maupun suruhan yang terdapat di dalam al-Quran dan hadith(Ibn Kahthir; 1999)

Untuk menjelaskan perkara tersebut, memerlukan kaedah teguran dan bahasa yang baik, agar teguran tersebut dapat diterima oleh masyarakat sekitar. Para pengkaji dapat melihat bagaimana proses pengharaman arak. Di mana sebelum arak diharamkan secara tegas, Allah s.w.t telah menurunkan dua ayat yang menjelaskan kemudhoratan arak yang telah sebatи didalam jiwa masyarakat arab jahilayah ketika awal penyebaran agama Islam. Daripada proses ini para pendakwah khususnya, memerlukan pendekatan yang murni untuk mengajar dan mengajak kelompok masyarakat supaya beramal dengan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

### ***Al-Mujadalah***

*Al-Mujadalah* atau perdebatan adalah satu proses yang baik untuk mencernakan minda bagi mengemukakan buah fikiran yang matang sebagai salah satu jalan untuk mencapai sebuah keputusan yang membawa kepada kebenaran. Walau bagaimanpun, terdapat sebilangan kecil pendakwah atau orang yang didakwah tidak dapat menerima pendekatan perdebatan menyebabkan mula timbul permusuhan antara dua pihak. Justeru, suatu etika yang harus dijaga ketika melakukan perdebatan ialah dengan menyampaikan dengan kebijaksanaan bagi mengelakkan pertelingkahan yang akhirnya memberi kesan negatif kepada usaha dakwah.

### **Pendekatan Dakwah Kepada Remaja**

Remaja dikategorikan sebagai usia peralihan dari usia kanak-kanak kepada usia dewasa. Di dalam usia ini remaja berada di dalam tempoh percubaan bagi menentukan identiti mereka yang sebenar. Mereka juga terdedah kepada pelbagai perubahan budaya yang akan mengakibatkan mereka terjerumus kepada perkara yang tidak berfaedah dan melalaikan. Sekiranya dilihat kepada keperluan remaja yang berada di dalam situasi peralihan umur suatu ramuan yang mujarab harus dirangka bagi menarik perhatian mereka mengikuti dakwah yang ingin disampaikan. Melalui penelitian penulis terdapat tiga pendekatan dan pecahan yang sesuai kepada remaja bagi melancarkan usaha dakwah(Al-Bayanuni; 2010). Menurut penulis, elemen *tarbiyah* perlu diserapkan dalam mendidik remaja zaman kini.

#### ***Tarbiyah***

Elemen *tarbiyah* adalah elemen yang mahsyur dalam mendidik dan membentuk peribadi seseorang. Justeru, kita lihat di dalam sejarahnya Rasulullah s.a.w. telah berjaya mendidik para sahabat menjadi generasi yang cukup gemilang. Dengan berteraskan kepada elemen *tarbiyah* ini, ia dapat dizahirkan dengan dua pendekatan, iaitu melalui menunjukkan suri teladan yang baik untuk ditunjukkan, dan dengan memberikan nasihat yang baik kepada golongan sasaran. Oleh itu, proses *tarbiyah* kepada golongan remaja adalah memerlukan kepada satu usaha untuk menyediakan dan membentuk anak remaja agar menjadi anggota masyarakat yang baik dan menjadi manusia yang soleh di dalam kehidupan ini.(Abd Allah Nasir `Ulwan; 1988)

#### ***Pendekatan Al-'Atifi***

Menggunakan pendekatan *al-'Atifi* adalah pendekatan yang sangat terkait dengan emosi pada diri. Tidak dapat dinafikan di usia remaja, mereka lebih cenderung bertindak dengan menggunakan emosi contohnya seperti marah, kecewa dan gembira. Remaja sangat bertindak balas dengan emosi berbanding kata-kata. Sebagai contohnya, peristiwa yang berlaku jika disertai dengan kekuatan emosi dapat membuatkan ia tertanam diminda dan terpahat dihati bagi satu tempoh yang panjang.

Emosi merupakan salah satu rasa batin yang terdapat di dalam jiwa manusia yang akan berfungsi di dalam keadaan tertentu. Pendekatan dakwah yang melibatkan perasaan jiwa boleh dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan yang telah digunakan oleh al-Quran. Oleh itu, bagi menangani satu masalah yang lebih besar apabila bertindak menggunakan emosi dalam kalangan remaja, maka ibu dan bapa sewajibnya perlu memberi perhatian yang khusus bagi proses pentarbiyan kepada anak-anak agar mereka mempunyai satu kekuatan diri yang kuat bagi mengelakkan mereka terlibat dengan masalah sosial yang melanda dunia diera globalisasi ini.

Di samping itu, pengawalan dari sudut tekanan dari diri remaja. Menurut perspektif dakwah, bagi remaja yang mengalami masalah tekanan sekiranya tidak ditangani lebih awal akan

memberikan kesan negatif berpanjangan dan golongan ini harus diberi keutamaan di dalam usaha dakwah kepada mereka. Oleh itu para pendakwah harus mengetahui perkembangan psikologi remaja supaya dakwah yang disampaikan memberi kesan yang sepatutnya ke dalam diri golongan ini bagi mengelakkan emosi ini wujud(Faridza Mad Sham; 2005).

### **Pendekatan Al-'Aqli**

Asasnya pendekatan ini bermaksud mengetahui hakikat sesuatu dengan cara memikirkan perkara-perkara tertentu. Pendekatan ini merangkumi pelbagai proses bagi manusia berfikir melalui pemerhatian kepada bukti-bukti kekuasaanNya yang berkaitan seperti pengamatan, pemerhatian, memahami dan menunjukkan kelebihan akal yang dianugerahkan kepada manusia. Oleh itu, pendekatan minda yang menjurus kepada pergerakan minda dan mendorong kepada proses berfikir, pemerhatian dan mengambil ikhtibar amat sesuai digunakan kepada remaja untuk proses dakwah kerana golongan ini mempunyai potensi berubah dengan potensi akal yang dimiliki mereka.

Pendekatan untuk menggerakkan minda remaja boleh juga dibuat dalam bentuk perbincangan, diskusi atau dialog. Dr. Azlena Zainal berpendapat sesuatu pendekatan yang berkaitan dengan bahasa yang jelas dapat menghasilkan pemikiran yang jelas. Ia juga dapat membantu menghasilkan pemikiran yang lebih luas dan pemahaman yang lebih jelas berkaitan apa yang dipelajari (Azlena Zainal; 2003).

Tujuan perbincangan atau berdialog dengan remaja adalah untuk mendengar dan memahami pandangan dan persepsi mereka terhadap sesuatu persoalan, di samping pendakwah dapat mengemukakan pula pandangan mereka. Dengan cara ini, percambahan idea akan berlaku dan pemikiran akan lebih berkembang. Pendekatan menggerakkan minda dalam bentuk perbincangan merupakan satu cara Rasulullah s.a.w dalam melaksanakan misi dakwahnya. Ia dilakukan dalam forum dan diskusi ilmiah bagi tujuan membuka minda.

### **Pendekatan Al-Hissi**

Asasnya istilah *al-hissi* adalah suatu yang boleh dirasa melalui salah satu pancaindera yang lima. Al-Bayanuni telah menghuraikan pendekatan ini dengan meletakkan pancaindera sebagai satu kaedah dakwah berguna apabila manusia menjadikan pancaindera sebagai ransangan untuk mendorong kepada kebaikan(al-Bayunni; 2010). Oleh itu dapatlah diertikan juga sebagai pendekatan motivasi kepada sasaran dakwah melalui rangsangan deria.

Pada usia ini remaja mengalami perubahan fizikal yang menyebabkan mereka mengalami kekacauan tentang tanggapan sama ada mereka seorang kanak-kanak ataupun seorang dewasa. Golongan remaja ini selalunya tidak penyabar dan selalu berpegang kepada pemikiran mereka kerana kurang percayakan kepada diri mereka sendiri. Justeru untuk membatasi kekacauan tersebut, para remaja memerlukan dorongan dan pujukan daripada para pendakwah ataupun ibu dan bapa mereka.

Melalui elemen dorongan ia membantu remaja meningkatkan keyakinan diri dengan cara dorongan bukan paksaan. Oleh yang demikian, dalam menyampaikan dakwah dan ceramah pendakwah haruslah menggunakan ayat-ayat al-Quran yang menyentuh berkaitan peranan anak-anak muda di dalam masyarakat, bangsa dan agama. Secara tidak langsung ia akan memberikan gambaran kepada masa depan mereka.

Demikian juga apabila para pendakwah menerapkan kaedah pujukan pada remaja. Cara ini dilihat lebih mesra kepada remaja dan sangat berkesan. Pujukan biasanya dilakukan dengan

cara lembut dan halus, kerana ia ada unsur-unsur untuk memikat. Bagi memastikan pujukan kita berkesan adalah dengan menggunakan nada suara yang bersesuaian mengikut isi penyampaian yang ingin disampaikan. Bermacam nada dan tekanan suara boleh digunakan di dalam situasi emosi, hiba, bersemangat, gembira, takut dan sebagainya

### Kesimpulan

Pendekatan dakwah adalah merupakan suatu metod atau cara yang terdekat digunakan bagi melaksanakan dakwah untuk menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran menerima sesuatu ajaran yang dibawa oleh Islam. Sejarah dakwah Nabi s.a.w banyak meninggalkan satu contoh teladan yang terbaik bagi kita sebagai ummatnya agar tidak berada di dalam keadaan gelojoh di dalam menyeru manusia kearah kebaikan tetapi mestilah di dalam keadaan bersedia dengan strategi yang cukup.

### Rujukan

Al-Qu’ran

Al-Qaradawi, Yusuf (1996) *Thaqafah al-Da’iyah*. Cetakan Ke-10. Maktabah Wahbah. Qaherah

Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath(2010). *al-Madkhāl Ila ‘Ilmi al-Da’wah*. Dar al-Risalah al-Alamiyah. Beirut

Al-Ghazali, Muhammad (1981), *Ma’a Allah*. Dar Ihya al-Turath al-Arabi. Beirut.

Endot, Ideris, (1993) *Dakwah Islamiyyah Malaysia Masa Kini, Bab 7: Peranan Psikologi Masyarakat Islam Dalam Dakwah Islamiah*, UKM, Selangor

Ibn Kathir. Abu al-Fida’ Isma’il(1999). *Tafsir al-Qu’ran Al-Azhim*. Tahqiq: Sami bin Muhammad. Dar al-Sya`b. Kaherah

Ibn Manzur, Muhammad bin Makram (2010) *Lisan al-Arab*. Dar al-Sadr. Beirut.

Jarisyah, Ali, *Du’at La Bughat*, Dar al- Buhuth al- ‘Alamiyyah, Kuwait.

Mohd Zin, Abd Aziz Mohd Zin (2003) *Pengantar Dakwah Islamiah*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Quttub. Sayyid (1971). *Fi Zilal al-Qur’ān ed.* Cetakan Ke-5. Muassassah al-Risalah. Beirut.

Sham, Faridza Mad (2005). *Tekanan Emosi Remaja Islam*, Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam, ISSN 0216-5636.

Shuib, Azlena Zainal dan Munir (2003). *Meningkatkan Potensi Minda*. PTS Milenia Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

‘Ulwan, Abdullah Nasih ‘Ulwan (1988). *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*, terj. Syed Ahmad Semait. Pustaka Nasional Pte. Ltd. Singapura.

Wakil, Muhammad Said (1986) *Asas Dakwah wa Adabu Da’wah*, Dar wafa’. Madinah.

Zayd, Ahmad Abu (1994) *Manhaj al-Da’iyah*, Rabitah al-A’lam al-Islami, Makkah.

Zaydan. Abd al-Karim Zaydan (2002). *Usul al-Da’wah*. Cetakan Ke-9. Muassassah al Risalah. Lubnan.